

04 OCT 1998

FDI-PEMBANGUNAN/I

FDI TERUS MENJADI UNSUR UTAMA ARAH PEMBANGUNAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Pelaburan langsung asing (FDI) kekal menjadi ciri utama haluan pembangunan Malaysia ketika negara ini meningkatkan dirinya ke tahap pembangunan perindustrian yang lebih tinggi, seorang ahli ekonomi berkata.

Dr K. Govindan daripada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata negara yakin ia boleh menarik pelaburan yang tinggi dan baru dalam bidang-bidang baru sejajar dengan sumber-sumber dan kelebihan perbandingannya.

"Mengenai masa depan FDI di Malaysia, dasar kerajaan adalah ke arah pengaliran pelaburan jangka panjang di dalam bidang-bidang nilai ditambah tinggi dan teknologi baru," beliau memberitahu Bernama di sini hari ini.

Govindan berkata berada di tengah-tengah pergolakan serantau, Malaysia telah melakukan yang terbaik bagi mengadakan laluan yang licin bagi FDI, sambil menambah bahawa kini terpulang kepada pelabur-pelabur asing tulen, jangka panjang untuk mengambil kesempatan daripada kemurahan hati dan kelebihan perbandingan negara ini.

Katanya mereka patut menerokai industri-industri yang menjana teknologi-teknologi baru, nilai ditambah lebih tinggi dan membolehkan pembentukan kemahiran baru di kalangan rakyat Malaysia dalam bidang reka bentuk, penyelidikan dan pembangunan dan perkhidmatan.

"FDI mengambil peranan yang meningkat bukan sahaja untuk menampung kekurangan di dalam pembentukan modal dalam negeri tetapi lebih-lebih lagi sebagai satu sumber industri baru dan pembentukan kemahiran maju di kalangan tenaga kerja Malaysia," tambah beliau.

Govindan percaya bahawa Malaysia sedang bergerak ke arah pemulihan ekonominya dan memperolehi keyakinan pelabur, ini seharusnya menghapuskan kebimbangan mengenai sama ada penguatkuasaan kawalan tukaran wang asing akan menjejaskan teruk pengaliran FDI ke dalam negara ini.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi jaminan kepada pelabur-pelabur asing bahawa langkah-langkah kawalan tukaran wang tidak mengadakan sebarang halangan kepada pengaliran masuk FDI ke dalam aktiviti-aktiviti yang produktif kerana tidak ada halangan dalam membawa pulang keuntungan, dividen dan modal.

Govindan berkata lebih banyak penganalisis dan badan-badan asing seperti Bank Dunia, Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) kini memahami usaha Malaysia untuk menebat dirinya daripada kesan jangkitan negatif dunia.

"Dengan langkah-langkah baru itu, para pelabur tidak perlu menanggung kejutan kejatuhan ringgit," katanya, sambil menambah bahawa PK Basu, ahli ekonomi kanan Credit Suisse First Boston, yakin bahawa Malaysia akan menjadi negara pertama di rantau ini akan muncul dengan berjaya daripada krisis itu.

Katanya beberapa badan juga menyokong langkah yang diambil oleh negara, termasuk Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) yang mengesyorkan supaya negara-negara membangun lain menerima pakai langkah-langkah yang serupa sebagai perlindungan daripada perubahan-perubahan ketidak stabilan pasaran kewangan dunia.

"Bank Dunia, sambil mengakui bahawa IMF telah tersilap dalam menyelesaikan masalah Asia melalui dasar-dasar fiskalnya yang keras, telah menggesa diadakan perubahan radikal didalam dasar-dasar antarabangsa untuk mengelakkan krisis Asia daripada semakin buruk.

"Pandangan yang terbaik, tentulah, datangnya daripada Michel Camdessus

daripada IMF yang kini mencadangkan pembaharuan meluas sistem matawang antarabangsa, yang telah lama terlepas," katanya.

Govindan menegaskan bahawa badan-badan ini dan institusi-institusi lain turut mengesyorkan penurunan kadar faedah bagi memulihkan pertumbuhan kepada ekonomi-ekonomi yang runtuh, satu langkah yang telah di ambil oleh Malaysia dan yang boleh dilaksanakannya tanpa kawalan sebahagian modal.

"Berlatar belakangkan ini, adalah jelas bahawa Malaysia sedang berada di atas landasan yang betul ke arah memulihkan ekonominya dan memperolehi keyakinan pelabur," tambahnya.

Minat asing terhadap Malaysia terus mantap, katanya, dengan kerajaan menerima permohonan bagi pelaburan pembuatan baru bernilai AS\$5 bilion (RM19 bilion) dalam tujuh bulan pertama tahun ini.

Daripada jumlah itu, AS\$1.5 bilion (RM5.7 bilion) adalah oleh pelabur asing. -- BERNAMA

MFJ OS